



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 16 Februari 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Dewan hangat isu telur import dari India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	6

Dewan hangat isu telur import dari India

Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang semalam mempersoal tindakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengimport telur ayam dari India, bagi mengatasi isu kekurangan bahan itu.

Perkara itu dibangkitkan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) dan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) ketika sesi perbahasan usul Titah Diraja di Dewan Rakyat, kedua-duanya percaya ada langkah lain yang lebih tepat berbanding mengimport telur ayam.

Muhyiddin berpandangan kerajaan sepatutnya bertindak menghalang eksport telur ayam ke luar negara seperti dilakukan pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selaku Perdana Menteri, sebelum ini.

Muhyiddin yang juga bekas Perdana Menteri, yakin pendekatan itu lebih sesuai kerana Malaysia antara pengeksport utama telur ayam dunia, memiliki lebihan telur ayam untuk mengatasi isu kekurangan bekalan dan harga bahan makanan itu.

* "Macam mana bawa telur dari India yang cair, tak jadi telur itu? Mudah saja, waktu saya jadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Menteri Pertanian, bila timbul isu bekalan barang, kita panggil semua pembekal," katanya.

Terdahulu, Ka Siong ketika perbahasan menegaskan import telur ayam dari India bukan penyelesaian kepada isu kekurangan bekalan, sebaliknya menimbulkan isu diskriminasi kepada penternak tempatan.

Tegasnya, ini berikutan telur dari India yang bersaiz gred D dibenarkan dijual pada harga 50 sen sebiji di pasaran tempatan, sedangkan telur gred A, B dan C yang dikeluarkan pengusaha tempatan terpaksa dijual pada harga di bawah 50 sen.

Operasi mencari selamatkan lebih 300 haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Dunia	28



Doktor haiwan, Serdar Akus memegang burung yang cedera selepas diselamatkan di Hatay, Turki. (Foto REUTERS)

Operasi mencari selamatkan lebih 300 haiwan

Gaziantep: Selain mencari mangsa yang masih hidup, sukarelawan dan pasukan penyelamat bencana tidak ketinggalan menyelamatkan banyak haiwan yang terperangkap di bawah runtuh bangunan di selatan Turkiye.

Anadolu Agency melaporkan, Hatay, satu daripada 10 wilayah yang dilanda gempa bumi dahsyat minggu lalu, menyaksikan sukarelawan menyelamatkan lebih 300 haiwan di bawah runtuh bangunan.

Ahli Kanan Persatuan Perlindungan Haiwan Pelindung Kaki di bandar itu, Ibrahim Gocer memberitahu Anadolu Agency, walaupun kehilangan ramai saudaranya di Hatay, dia meneguhkan kesedihannya dengan bergogas membantu mangsa gempa bumi, termasuk haiwan yang terperangkap di dalam runtuh.

"Saya di sini bersama pasukan saya. Kami melakukan yang terbaik untuk menyelamatkan manamana nyawa.

"Saya kehilangan ramai insan tersayang termasuk saudara-mara dan rakan, tetapi kami perlu bangkit. Kami perlu kekal bertenaga. Nyawa ini (haiwan) juga penting," katanya.

Penyelamat membawa haiwan yang mereka selamatkan ke tempat perlindungan di wilayah untuk dijaga dan dirawat lukanya jika masih ada.

Ayse Taskiran, yang mengetuai persatuan itu berkata, mereka berusaha untuk menyelamatkan nyawa mangsa gempa bumi bukan manusia berdasarkan laporan diterima mengenai kemungkinan lokasi mereka.

"Kami membantu lebih 300 nyawa (haiwan) setakat ini dan kami menyelamatkan ramai rakan (haiwan peliharaan) tersayang kami, sama ada dari bawah runtuh atau di dalam bangunan.

"Ada perjuangan yang hebat, kehilangan yang besar di sini. Satu kehilangan besar untuk semua makhluk hidup, namun kami masih meneruskan kerja," katanya.

AGENCI

MAQIS tahan 16 tan makanan haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Mahkamah & Jenayah	15

Maqis tahan 16 tan makanan haiwan

ISKANDAR PUTERI - Sebanyak 16 tan makanan haiwan yang dibawa masuk tanpa menggunakan permit import yang sah ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Maqis menerusi kenyataan memaklumkan, makanan haiwan dibawa dari Singapura itu ditahan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) pada jam 3.30 petang pada Selasa.

"Hasil pemeriksaan dijalan-

kan pegawai penguasa Maqis menemukan muatan 640 guni makanan haiwan dengan pembungkusan 25 kilogram (kg) setiap guni yang disusun atas 16 palet.

"Makanan haiwan dianggarkan bernilai RM326,390 itu ditahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Pegawai Maqis memeriksa dokumen setelah menahan makanan haiwan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Iskandar Puteri, Johor, pada Selasa.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	32

Sukar dapat telur, tolak tempahan kuih

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Pengusaha kuih dan kek di Sungai Manik, di sini terpaksa menolak tempahan kuih baulu pada sambutan Hari Raya tahun ini berikutan sukar mendapatkan bekalan telur.

Pengusaha perniagaan Aryza Suri Cekal Enterprise, Pauziah Asmawi berkata, ini pertama kali dia terpaksa menolak tempahan kuih baulu disebabkan masalah bekalan telur.

Katanya, dia telah berusaha untuk memenuhi tempahan-pelanggan, namun tidak mahu menanggung risiko tempahan tidak dapat disiapkan menjelang sambutan Hari Raya.

"Saya ada meminta bantuan daripada rakan-rakan untuk mendapatkan bekalan telur tetapi tidak banyak yang saya dapat beli.

"Jadi saya terpaksa menghentikan tempahan kuih baulu untuk Hari Raya, kalau ada baulu pun untuk jualan harian bukan untuk tempahan Hari Raya.

"Banyak tempahan pelanggan yang mahukan kuih baulu sempena Hari Raya saya tolak, saya tak berani ambil, bimbang tak dapat nak siapkan disebabkan kesukaran mendapatkan bekalan telur," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, begitupun tempahan untuk kuih yang tidak memerlukan penggunaan telur yang banyak masih di-



PAUZIAH Asmawi menunjukkan biskut raya yang sudah disiapkan untuk jualan dan yang ditempah pelanggan di kedai perniagaannya di KM 8 Simpang Tiga, Jalan Sungai Manik dekat Pasir Salak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN.

terima antaranya biskut kacang, biskut suji, biskut keladi, kuih coklat, kuih bangkit, sagu, kuih makmur, kacang tumbuk, kacang potong, kek dan lain-lain.

Katanya, kuih-kuih berkenaan tetap mendapat tempahan yang tinggi untuk Hari Raya.

"Saya tak berani terima tempahan kuih yang menggunakan telur sebagai bahan utama kerana bimbang tak dapat bekalan mencukupi, jika ada bekalan telur pun pun kena janji dengan pembekal dahulu tapi kadang kala mereka pun sukar nak dapatkan bekalan,"

katanya.

Menurutnya, kesukaran mendapatkan bekalan telur sudah lama dialami dan tidak menunjukkan tanda-tanda pemulihan.

Katanya, selain tempahan kuih baulu untuk Hari Raya sebelum ini pun dia menolak tempahan kuih untuk itu majlis kenduri perkahwinan disebabkan masalah yang sama.

"Ramai yang membuat majlis kenduri perkahwinan dan mereka mahukan kuih baulu, tetapi banyak yang saya tolak kerana masalah bekalan telur.